

Headline	Power bank tiada pensijilan SIRIM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	8	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	775 cm ²
Journalist	Rashiqah Ilmi Abd Rahim	AdValue	RM 26,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,839



Power bank tiada pensijilan SIRIM

➔ Tiada alat pengecas bateri tambahan mempunyai kelulusan tahap keselamatan

Oleh **Rashiqah Ilmi Abd Rahim**
rasyiqah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tiada alat pengecas bateri tambahan atau power bank, yang dijual dalam pasaran di negara ini, mempunyai kelulusan tahap keselamatan pensijilan barangan oleh SIRIM.

Situasi itu timbul kerana produk terbabit belum dikawal mana-mana agensi kerajaan dan tidak termasuk dalam senarai 34 jenisengkapan elektrik tersenarai mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, yang wajib mempunyai pensijilan barangan SIRIM.

Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pensijilan Barangan dan Pemeriksaan SIRIM QAS International Sdn Bhd, Basori Selamat, berkata ketika ini bagi barangan di luar senarai terbabit, permohonan pensijilan itu bersifat sukarela, jadi tidak menjadi kesalahan kepada pengeluar produk jika tidak memohon sijil terbabit.

Katanya, setakat ini belum ada mana-mana pengeluar produk terbabit memohon pensijilan, meskipun ada keperluan memastikan

ia mematuhi piawaian ditetapkan SIRIM, berikutan pelbagai kes letupan membabitkan alatan seumpama itu.

Lindungi hak pengguna

"Sekiranya produk disahkan SIRIM, ia dapat melindungi hak pengguna, yang boleh membuat aduan, jika alatan itu dikhuatiri tidak selamat untuk digunakan.

"Setiap aduan berkaitan barangan sah SIRIM akan disiasat bagi mengenal pasti punca kerosakan. Sekiranya pengeluar atau pengilang didapati melakukan kesalahan dan tiada tindakan pembetulan diambil, lesen pensijilan akan dibatalkan. Mereka akan diarah menarik balik produk dari pasaran," katanya.

Sementara itu, Pengarah Penguatkuasaan dan Penyelarasan Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST), Othman Omar, berkata produk terbabit seharusnya diwajibkan mendapatkan kelulusan SIRIM, supaya mematuhi piawaian yang menjamin hak dan keselamatan pengguna.

Katanya, meskipun ketika ini pengguna boleh memilih jenama power bank yang memiliki pensijilan agensi piawaian keselamatan antarabangsa, Underwriters



Kebanyakan pengguna tidak tahu membezakan produk berkualiti dan tiruan, selain ada banyak kes penipuan membabitkan barangan itu dalam pasaran"

Othman Omar,
Pengarah Penguatkuasaan dan Penyelarasan Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST)

Laboratories (UL), bagi tujuan keselamatan tetapi ia masih tidak mencukupi untuk melindungi pengguna negara ini.

Tak tahu beza

"Tambahan pula, kebanyakan pengguna tidak tahu membezakan produk berkualiti dan tiruan, selain ada banyak kes penipuan membabitkan barangan itu dalam pasaran.


"Lebih membimbangkan, power bank tidak berkualiti biasanya mudah rosak dan mencetuskan letupan kerana kebanyakannya tiada piawaian keselamatan.

"Saya percaya Jabatan Standards Malaysia (JSM) dan pihak berkaitan akan memandang serius perkara ini kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pernah memaklumkan akan mengeluarkan garis panduan penjualan power bank bagi mengelak kejadian tidak diingini," katanya.

Beliau berkata, garis panduan seumpama itu perlu kerana menekankan aspek keselamatan supaya produk yang dijual mengikut spesifikasi dibenarkan.

"Namun setakat ini, ia mungkin masih di peringkat perbincangan dan belum ada hitam putih mengenainya," katanya.

Headline	Power bank tiada pensijilan SIRIM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	8	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	775 cm ²
Journalist	Rashiqah Ilmi Abd Rahim	AdValue	RM 26,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,839



Info

Kes letupan power bank sepanjang 2016

Mac → Power bank yang diletak dalam kereta oleh seorang jurutera bersara berusia 72 tahun, terbakar menyebabkan kira-kira 30 peratus kenderaannya musnah di Nibong Tebal, Pulau Pinang.

April → Kediaman peniaga kek di Ampangan, Seremban, nyaris terbakar apabila dua power bank yang diletakkan atas sofa meletup, menyebabkan sebahagian ruang tamu rumahnya musnah.

Mei → Power bank milik seorang penolong penerbit stesen televisyen di Kuala Lumpur, meletup ketika disimpan dalam beg menyebabkan beberapa perabot bilik tidur rumahnya terbakar.

Julai → Seorang budak perempuan trauma selepas cedera ringan apabila power bank yang sedang digunakan menyebabkan letupan kecil di Jempol, Negeri Sembilan.

Ogos → Jurukamera sebuah stesen televisyen di Kuala Lumpur, mecur bahagian paha selepas power bank yang diletakkan dalam beg di atas riba, terbakar meskipun ketika kejadian alatan itu tidak dihidupkan.

[FOTO HIASAN]

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

Contoh alat pengcas bateri tambahan.

40 peratus peranti, aksesori telefon tanpa kelulusan SIRIM
Tiada keseragaman prosedur kesedaran, bawat kontesukan punca tarangan dijual secara meluas

Keratan akhbar BH semalam.